



SALAM TAKZIAH DARI KAMI SEMUA

SELURUH warga Majlis Perbandaran Dungun mengucapkan Takziah di atas pemergian Allahyarham Datuk Matulidi Jusoh yang meninggal dunia di rumahnya di Taman Alur Jejawi, kira-kira jam 6 pagi.

Allahyarham yang merupakan bekas Ahli Parlimen Dungun, berusia 58 tahun mengalami komplikasi kencing manis disahkan meninggal selepas ingin ke bilik air untuk menunaikan solat subuh di rumahnya.

Anaknya, Mohd Nazir, 26 berkata, sebelum kejadian, dia menemani arwah ayahnya itu bersebambang berhubung isu semasa dan politik sehingga jam 4.30 pagi.

"Saya minta ayah tidur kerana saya perlu ke stesen bas ekspres untuk menjemput ibu, Che Norleha Ismail, 58 yang baru tiba dari Kuala Lumpur. Sampai di rumah arwah sempat bersebambang dengan ibu seketika dan saya masuk ke dalam bilik sebelum ayah terjatuh," katanya.

Katanya, sebaik bergegas keluar dia mendapati allahyarham yang berada di atas riba isterinya itu sudah tidak bernyawa lagi.

Turut hadir menzarahi allahyarham ialah Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman serta kelua-ketua jabatan dan bekas-bekas yang berhormat di Dungun Terengganu.

Arwah sering memandikan kedua ibu bapanya sebelum kedua ibu bapanya itu meninggal dunia.


"Ketika itu kedua-dua ibu bapa arwah sudah uzur dan sebelum ke tempat kerja, arwah akan memandikan kedua ibu bapanya serta memakai pakaian sebelum ke tempat kerja.

Arwah juga kerap berpesan kepada saya supaya memandikan ibu dan ayah saya sekiranya kedua ibu bapa saya meninggal.

Fasal itu arwah berpesan kepada anak-anaknya supaya memandik dan mengkafarkan beliau apabila meninggal kelak," kata rakan baik arwah Malik Muda.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, beliau sangat sedih dengan pemergian Datuk Matulidi Jusoh yang banyak berjasa kepada rakyat Dungun. Biarpun tidak lagi bergelar wakil rakyat, beliau tetap meneruskan khidmat membantu rakyat terutamanya di kawasan Dungun dan Dewan Undangan Negeri Kawasan Paka.

"Apa yang membanggakan saya, biarpun kesihatannya terganggu namun arwah tetap meneruskan khidmatnya untuk rakyat. Saya kehilangan seorang sahabat yang baik dan menjadi satu kehilangan besar kepada politik negeri Terengganu - Oleh Zubir Mamat.



SAYA BANGGA DENGAN 'MPD'



PENGERUSI Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Roslee Daud berkata, beliau bangga dan mengucapkan tahniah kepada Majlis Perbandaran Dungun (MPD), yang banyak

LANGKAH MPD membina banyak ruang niaga seperti premis dan kios perniagaan banyak membantu penduduk di daerah ini untuk mengusahakan perniagaan tanpa dibebani kadar sewa yang tinggi.

"Saya berterima kasih kepada MPD terutamanya 'peneraju' Yang Dipertua, A Rahman Che Ali yang banyak membina gerai dan ruang niaga demi membantu usahawan tempatan," katanya ketika merasmikan Festival makanan Tradisional Terengganu di Arena Merdeka,

Roslee berkata, usahawan yang menyewa gerai majlis perlu bersyukur kerana sewa yang dikenakan pihak MPD sangat murah dan tidak membebarkan mereka.

"Oleh itu saya mahu semua peniaga membayar sewa dengan tepat pada masanya sebagai mengelak dibebani sewa yang bertambah. Sekiranya peniaga dapat menjelaskan sewa mengikut masa ditetapkan, maka MPD akan dapat membina banyak lagi ruang niaga kepada usahawan," katanya.

Katanya, beliau turut merayu kepada peniaga agar dapat



FESTIVAL KENALI BUDAYA MASAKAN TRADISIONAL TERENGGANU

Oleh : Mohd Adzhar Mohd Zahari

FESTIVAL Makanan Tradisional Terengganu berlangsung di Arena Merdeka mengetengahkan beraneka rupa, bentuk dan rasa kuih-muih yang sebahagiannya tidak pernah diketahui atau dikenali namanya terutama generasi muda.

Program anjuran kerajaan negeri melalui Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu itu menyajikan 80 jenis kuih-muih, makanan ringan dan masakan bukan sahaja untuk mempromosi produk dan perniagaan usahawan kecil tetapi juga mendekatkan masyarakat tentang budaya makanan warisan.

Hampir 10,000 pengunjung hadir memeriahkan Festival tarbabil dengan jualan mencapai hampir RM100,000 sepanjang festival selama tiga hari itu yang mendorong pihak penganggar mengadakannya di daerah lain pula.

Lebih 80 jenis makanan tradisional termasuk masakan sayur kolok, sayur betik, sayur kulit tembikai, sayur jambu golok, sayur kulit rambai yang cukup menyelerakan dan ketupat sotong, buah tanjung, bekang, bingka ubi, tepung pasung, tok aji serban, lok lik dan puli cukup menguja pengunjung.

Juga satar, otok-otok, keropok lekor, che abang demam, dodol daun palas, rojak kateh yang menjadi pengenalan bagi Terengganu di samping acar buah, bahulu, palas dan tempeyek mendapat permintaan cukup tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Roslee Daud berkata penglibatan hampir 70 peratus pengusaha tempatan telah membantu memeriahkan suasana festival.

Katanya, hadir pada pelancaran tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif YPU, Marzuki Endut dan Pengerusi Stesen TV Alhijrah, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor.

Menurut Roslee, berdasarkan sambutan yang cukup memberangsangkan, festival itu akan turut diadakan di daerah lain dengan pendekatan yang lebih menarik.

"Pihak berkaitan akan memperbaikkan pengisian program termasuk mempelbagaikan pertunjukan masakan tradisional bagi menarik penglibatan lebih ramai golongan muda.

"Kita mahu sajian masakan dan kuih-muih ini tetap ada dalam majlis keramahan, di restoran atau gerai tempatan, mudah ditemui di pasar atau kedai. Kita tidak mahu generasi akan datang tidak lagi mengenali kuih tradisional sehingga menjadi terlalu asing bagi mereka," katanya.

Sementara itu, kalangan peserta yang ditemui menyambut baik penganggaran festival ini kerana dapat menjadi platform bagi mempromosikan produk makanan di samping diri mereka sebagai pengeluar atau pengusaha.



PERJUMPAAN BERSAMA PENGUSAHA TANDAS AWAM

SUATU perjumpaan bersama pengusaha tandas awam milik Majlis Perbandaran Dungun (MPD) telah diadakan dibilik mesyuarat baru-baru ini.

Seramai 10 pengusaha tandas hadir dan mereka diberi penerangan berhubung aspek penjagaan tandas yang disampaikan Setiausaha MPD, Mohd Iskandar Mohamad Aziz dengan turut dihadiri Pegawai Kesihatan Persekutaran, Razak Muda.

Mohd Iskandar berkata, MPD membelanjakan hampir RM1 juta bagi membaki kesemua 13 tandas awam di daerah Dungun ke arah bertaraf tinggi demi menjamin keselesaan pengguna.


Katanya, oleh yang demikian, semua penyelia tandas yang dilantik perlu menjaga tandas terbabit dengan sebaik mungkin dalam usaha menjadikan tandas awam di Dungun mendapat pujian daripada masyarakat dalam atau luar. -

"Saya minta jasa baik semua agar dapat menjaga tandas dengan sebaik mungkin kerana kerajaan telah mengeluarkan banyak perbelanjaan demi melihat tandas awam bersih dan tidak berbau serta bebas daripada sebarang kekotoran,

Aspek penjagaan tandas bukan saja perlu dibersihkan ruang dalam, malah persekitaran luar tandas juga perlu dititik beratkan setiap masa agar kebersihannya kelihatan bersih sepanjang masa," katanya - Oleh Yati Abdul Rahman



Pantai Rantau Abang DIPLICI PANTAI SELAMAT UNTUK MANDI



MAJLIS Perbandaran Dungun (MPD) akan menjadikan pantai Rantau Abang sebagai pantai yang selamat dimandi untuk semua pengunjung.

Yang Dipertua MPD, A Rahman Che Ali berkata, cadangan itu adalah selaras hasrat kerajaan negeri yang ingin memastikan pantai di negeri ini selamat untuk mandi.

"Buat masa ini kita cadangkan pantai Rantau Abang kerana pantai ini dilihat amat sesuai serta tidak pernah berlaku sebarang kejadian mati iemas di situ.

Oleh itu, saya akan mendapatkan pandangan semua pihak termasuk JKKK, Jabatan Pengairan Dan Saliran JPS, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Bomba dan Polis berbincang dan kita juga akan menyediakan kemudahan asas seperti bilik mandi, bilik bersalin dan tandas awam.

Perbincangan itu merangkumi penetapan keluasan kawasan selamat, pengawal pantai dan sebagainya dan kita akan menghantar kakitangan MPD untuk menjalani latihan menyelamat sebelum ditempatkan di pantai itu," katanya ketika bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan/Pengarah Unit Perancang Ekonomi negeri, Zainal Abidin Hussin melawat pantai terbabit.

A Rahman berkata, sebuah lagi pantai yang dilihat sesuai ialah Pantai Batu Pelanduk di Kuala Abang yang menjadi tumpuan ramai dan pihaknya akan melihat terlebih dahulu keberkesanannya sebelum melaksanakan di-



SYUKURI PEMBERIAN KERAJAAN

Oleh : Zubir Mamat

SEMUA penerima Rumah Mampu Milik (RMM) di kawasan Bukit Tabuk, Bukit Besi, Paka dan Batu 7 diminta menjaga persekitaran rumah masing-masing supaya kelihatan lebih bersih dan cantik.

Pegawai Pembangunan Parlimen, Datuk Din Adam berkata, beliau mahu melihat semua penghuni RMM di Dungun mengutamakan aspek kebersihan supaya ia menjadi contoh kepada RMM yang lain.

Katanya, beliau kesal sekiranya ada pemilik RMM yang mengabaikan aspek kebersihan dan perbuatan itu akan menjadikan kediaman mereka hilang seri sekaligus menjadi sarang pembiakan nyamuk dan binatang liar.

"Kalau boleh saya mahu semua RMM di Dungun menyertai pertandingan kebersihan dan sekaligus dapat mendidik anak-anak kita menjaga kebersihan. Luangkan masa membersih sampah sarap termasuk di depan rumah dan di dalam longkang."

Kerja kebajikan itu tidak diharus diletak seratus peratus kepada pihak Majlis Perbandaran Dungun," katanya ketika menyampaikan kunci rumah kepada pemilik RMM Batu 7 dengan turut dihadiri Penolong Pengurus Bahagian Perumahan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PERMINT), Saidi Embong serta Jurutera Teknik PERMINT, Mohd Nazir Nawi.

Datuk Din berkata, beliau juga meminta kepada semua penerima supaya tinggal dalam keadaan aman damai dan tidak berselisih faham sesama jiran dan sekiranya ada perletingkahan yang kecil harus diselesaikan dengan secepat mungkin bagi mengelak ia menjadi lebih besar.

"Anggaplah jiran kita semua sebagai satu keluarga dan sekiranya kita mendapat susah tiada orang lain yang dalang membantu kalau tidak jiran kita sendiri," katanya.

Katanya, setakat ini lebih seribu penerima telah mula menduduki empat kawasan RMM dan anggaplah kehadiran bulan-bulan Ramadan dan Syawal yang mulia baru-baru ini sebagai rahmat.

"Anggaplah pemberian kerajaan ini amat bermakna dan bersyukur dengan apa yang diberikan kerajaan dan saya akan sudi sekiranya ada penerima yang masih tidak bersyukur," katanya.

Datuk Din berkata, sebahagian penangguhan pembahagian rumah terbabit akibat kerosakan kesan daripada perbuatan vandalism telah diambil tindakan oleh PERMINT membaiki semula kerosakan rumah terbabit.

"Kita dah selesai semua masalah rakyat itu dan insyallah menjelang



Ahli Majlis MPD, Zainun Bakar (empat dari kanan) menemani Yang Berhormat Roslee Daud (dua dari kanan) hadir pada majlis Festival Makanan Tradisional Terengganu di Arena Merdeka.



Ahli Majlis MPD, Shafie Salleh (tiga dari kanan) Menyerahkan kek kepada guru Sekolah Kebangsaan Santong Paka, sempena Sambutan Hari Guru 2015.



Ahli Majlis MPD, Ali Mohamad (kiri) bersama Pengurus Besar Stesen Janaelektrik Sultan Ismail (SJSI) Paka, Ir Abdul Rahman Mohamed (dua dari kanan) serta telamu hadir pada majlis penyerahan rumah kepada penduduk miskin Megat Embong Megat Chik (tiga dari kiri) dan isteri.